



Jurnal Qiraat

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 2, Halaman 64-74

Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz di MITS Selangor

Implementation of Tahfiz Curriculum at MITS Selangor

Mardhiah Yahaya^{1*}, Zetty Nurzuliana Rashed², & Norfariza Mohd Radzi³, Mohd Fakhri Sangit⁴ & Ainul Hayat Abdul Rahman⁵

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia.

⁴ Fakulti Syariah Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

⁵ Mahasiswa Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia

* Corresponding Author: Mardhiah Yahaya. Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Selangor, mardhiah@kuis.edu.my, 0192298184, ORCID iD.

ABSTRACT

Quality curriculum management includes organised committee governance, effective teaching and facilitating, excellent systematic assessment, and methodical and smooth school organisation management. Hence this study aims to observe the forms of education curriculum at Maahad Intergrasi Tahfiz Sains (MITS) in Selangor. This qualitative study uses interviews on senior academic and tahfiz assistant teachers at MITS of Selangor. The data is analysed through merging, deducing and interpreting the words of the participants, observations or readings to understand the data. The findings show six forms of education curriculum at MITS of Selangor, which include education management, school organisation, learning outcomes, assessment management, observations, and tahfiz evaluation. The study has the implications that these six aspects fulfill the needs of the tahfiz curriculum management at MITS of Selangor. However, improvements and solutions are needed to overcome issues and challenges to enhance the management system at MITS of Selangor.

Keywords: *Implementation; curriculum ; tahfiz; MITS*



ABSTRAK

Pengurusan kurikulum yang berkualiti adalah meliputi pengurusan panitia yang kemas dan PdPc yang berkesan, pentaksiran yang sistematik dan berkualiti serta pengurusan organisasi sekolah yang lancar dan sistematik. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk kurikulum Pendidikan di Maahad Intergrasi Tahfiz Sains (MITS) di Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Temubual dilaksanakan terhadap Guru Penolong Kanan (GPK) Tahfiz dan Guru Penolong Kanan (GPK) Akademik di MITS Selangor. Kemudian data dianalisis melalui proses menggabung, mengurang dan membuat interpretasi berdasarkan apa yang dikatakan oleh peserta kajian dan apa yang diperhatikan atau dibaca untuk memberi makna kepada data. Dapatan kajian telah mendapati enam bentuk kurikulum pendidikan di MITS Selangor iaitu pengurusan pendidikan, organisasi sekolah, hasil pembelajaran, pengurusan pentaksiran, pemantauan dan penilaian tahfiz. Implikasi kajian merumuskan bahawa enam perkara ini memenuhi kepada kehendak pengurusan kurikulum tahfiz di MITS Selangor. Walaubagaimanapun beberapa penambahbaikan serta penyelesaian perlu diambil perhatian agar masalah dan cabaran dapat di atasi untuk melancarkan sistem pengurusan di MITS Selangor.

Kata kunci: pelaksanaan, kurikulum, tahfiz, MITS

1.0 PENDAHULUAN

Sistem pengurusan dan pentadbiran dapat membentuk struktur organisasi yang dapat membawa kepada keberkesanan dan kecekapan yang tinggi. Struktur organisasi pula merupakan sistem perkaitan tugas bagi mengawal sumber dalam mencapai matlamat dan halatuju yang dibentuk manakala kurikulum pula merupakan pelan perancangan dalam pendidikan yang meneliti dua perkara utama iaitu struktur organisasi yang asas dalam pendidikan serta visi yang ingin dicapai dalam pendidikan. Apabila aspek pengurusan kurikulum ini di kuasai dengan sepenuhnya, perjalanan bagi sesebuah organisasi sekolah itu akan menjadi lebih berkesan dan teratur.

Pengurusan kurikulum yang berkualiti adalah meliputi pengurusan panitia yang kemas dan PdPc yang berkesan, pentaksiran yang sistematik dan berkualiti serta pengurusan organisasi sekolah yang lancar dan sistematik. Seperti yang diketahui umum, guru adalah penggerak utama dalam melancarkan dan melaksanakan sistem pengurusan kurikulum di sekolah. Ini kerana, siibus dan kurikulum disediakan oleh PPK dan tugas guru menjalankan sesi PdPc dengan berpandukan kepada silibus daan kurikulum yang disediakan oleh PPK (Wan Ezielia 2014). Dalam pengurusan kurikulum terdapat empat elemen penting iaitu membuat keputusan, menyelesaikan masalah, hubungan manusia dan komunikasi. Bagi memastikan pengurusan kurikulum lancar dan berkesan ianya memerlukan perancangan yang baik dan teratur. Perancangan yang baik dan teratur dapat memberikan kesan yang positif terhadap pelaksanaan kurikulum yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu (Coleman & Middlewood 1998).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pertambahan penubuhan sekolah tahfiz kini menjadi bukti kepada minat masyarakat yang terhadap pendidikan tahfiz. Namun begitu, menurut Noor Hisham (2014), terdapat perbezaan terhadap matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan matlamat sesebuah institusi. Terdapat



institusi tahfiz sepenuhnya tertumpu kepada hafazan sahaja dan ada juga yang memberi penimbangan terhadap komponen lain seperti pengajian akademik, kemahiran dan sebagainya. Selain itu, kepelbagaian aliran pemikiran, orientasi, bentuk, halatuju, matlamat dan objektif serta kurikulum dalam sistem pengajian maahad tahfiz adalah sesuatu yang sangat mendesak untuk difikirkan secara serius kerana ianya memberi implikasi yang besar kepada sistem pendidikan secara keseluruhan (Md Nawi, Yusuff, Che Yaacob & Salleh 2014). Ini kerana menurut Morphet et al 1982 bahawa kecekapan dan kepantasan bagi sesebuah pentadbiran akan menyumbang kepada pencapaian matlamat dalam sesebuah organisasi. Justeru, Pendidikan tahfiz al-Quran secara moden ialah pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun iaitu meliputi dari sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan dari segi infrastrukturnya (Yahaya, 2018).

Institusi tahfiz memerlukan transformasi dan pendekatan baru bagi meneruskan kelangsungan untuk mengangkat kedudukan al-Quran ke tahap yang sepatutnya. Menurut kajian Ismail (2016), institusi tahfiz seharusnya memberi fokus kepada prinsip utama bagi melahirkan huffaz yang jika digabungkan dengan disiplin ilmu sekalipun tidak akan hilang ilmu al-Quran di dalam jiwa mereka. Justeru itu, penelitian yang baik dan jelas perlu dilaksanakan untuk melihat keperluan sebenar bagi sesebuah institusi agar institusi tahfiz yang ingin dibangunkan berjaya mencapai halatuju dan sasarannya.

Sistem kurikulum pendidikan yang baik dapat melincinkan perjalanan pentadbirannya bahkan ianya juga dapat menghasilkan produk yang terbaik iaitu pelajar dan huffaz yang mampu memenuhi kehendak pasaran. Menurut Ismail (2016), kurikulum program pengajian tahfiz seluruh negara harus diselaraskan bagi menjaga kualiti dan mutu pengajian bagi sesebuah institusi tahfiz. Dengan adanya kurikulum tahfiz yang standard dan berkualiti, para huffaz yang dilahirkan akan lebih berdaya saing dan berkeyakinan kerana mereka dididik dan diuji di bawah satu kurikulum yang sama.

Pengaruh amalan pembelajaran pelajar mempunyai pelbagai metode atau kaedah dimana ianya memberikan impak yang berbeza mengikut kaedah yang diterapkan. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran yang berkesan dapat memudahkan pelajar tahfiz dalam meningkatkan kualiti hafazan mereka. Menurut Hashim (2010) dan Yahaya (2017) kebanyakan institusi tahfiz yang wujud masih lagi bergerak dalam haluan mereka sendiri tanpa modul pengajaran yang standard yang diguna pakai. Ini akan menyebabkan sistem kurikulum pendidikan yang diguna pakai tidak selaras dan bebas menggunakan kaedah pengajaran sendiri.

Sistem pengurusan pendidikan tahfiz yang teratur dan sistematik sangat diperlukan agar perjalanan sistem pendidikan dan pentadbirannya berjalan dengan lancar dan teratur. Oleh itu, institusi tahfiz di negara perlu diperkasakan lagi agar setaraf dengan bidang pendidikan yang lain. Sistem perkembangan hafazan al-Quran di Malaysia sangat menarik untuk dikaji bagi usaha menjadikan sistem pengurusan pendidikan pengajian hafazan al-Quran lebih tersusun dan sistematik demi untuk kebaikan masyarakat islam secara keseluruhannya.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah meneliti kurikulum Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor



4.0 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan bagi kajian ini adalah bagaimanakah bentuk kurikulum Pendidikan Tahfiz Sains di Negeri Selangor?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif iaitu pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen, kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian dalam bilik darjah. Menurut Cresswell (2005), kajian kualitatif ini untuk mengkaji fenomena yang kompleks seperti individu, organisasi, hubungan dan lain-lain. Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif yang dapat membantu pengkaji menyiasat isu. Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif yang dapat membantu pengkaji menyiasat latar belakang, matlamat dan hala tuju Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor secara holistik (Patton, 1990). Kaedah kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan di alami di Maahad Intergrasi Tahfiz Sains dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam suasana yang sebenar terhadap persekitaran lokasi kajian (Yin, 1994).

Kajian ini memilih untuk menggunakan teknik persampelan iaitu persampelan bertujuan purposive sampling. Menurut Gall et.al (2003), persampelan bertujuan dalam satu kajian biasanya menggunakan saiz sampel yang kecil kerana dapat membantupengkaji memahami sesuatu pemerihalana fenomena yang dikaji dengan lebih mendalam. Menurut Chua (2006) berpendapat, kajian kualitatif tidak perlu melibatkan populasi yang ramai kerana mempunyai data demografi yang sama dan tidak mempunyai ciri-ciri pemboleh ubah yang berbeza. Peserta kajian telah dipilih setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- 1) GPK Tahfiz dan GPK (MITS AI)
- 2) GPK Tahfiz dan GPK (MITS J)
- 3) GPK Tahfiz dan (MITS BL)
- 4) GPK Akademik (MITS AI)

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menjawab persoalan bagi kajian ini, beberapa tema dan sub tema telah dikenalpasti. Dapatan kajian ini diperoleh daripada dua orang peserta kajian yang telah ditemubual. Bagi menjelaskan data daripada Guru Pendidikan Islam (GPI), penyelidik telah peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini iaitu yang terdiri daripada ustaz Ahmad (UA) dari MITS BL, Ustaz Nizam (UN) dari MITS AI, Cikgu Ain (CA) dari MITS AI dan Ustaz Fandi (UF) dari MITS J.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik di MITS Selangor penyelidik telah keluaran tema berkaitan dengan bentuk kurikulum pendidikan di MITS Selangor.

Melalui analisis yang diperoleh hasil dari temubual pengkaji telah mendapati beberapa tema yang menghuraikan kurikulum Pendidikan tahfiz di MITS AI iaitu: i) pengurusan Pendidikan, (ii) organisasi sekolah, (iii) hasil pembelajaran (vi) pengurusan pentaksiran, (v) pemantauan dan (vii) penilaian tahfiz. Kurikulum Pendidikan tahfiz haruslah memiliki pengurusan pendidikan yang teratur dan tersusun. Manfaat ini telah membuka ruang yang lebar kepada penyusunan pengurusan Pendidikan tahfiz di MITS AI yang lebih tersusun sehingga memiliki 12 generasi setakat tahun ini yang telah bertebaran dalam



pasaran kerjaya. Perkara ini akan berhubung kait dengan hasil pembelajaran yang telah digariskan dalam kurikulum tahfiz di MITS Selangor dengan teliti dan tersusun mengikut keupayaan para pelajar.

Pengurusan dalam Pendidikan penting bagi menjadikan susun atur perjalanan sesebuah kurikulum tersebut. Dalam konteks pengurusan Pendidikan tahfiz di MITS AI, Ustaz Nizam (UN) ditugaskan bagi menjawat jawatan sebagai Guru Penolong Kanan (GPK) Tahfiz. Sebelum itu, bidang kurikulum tahfiz adalah dibawah bidang tugas dan kuasa GPK kurikulum dan pentadbiran. Namun begitu, atas dasar keperluan sekolah maka pada tahun 2014 pihak sekolah bersama dengan persetujuan daripada pihak JAIS telah menubuhkan satu jawatan kuasa baru bagi mewujudkan bidang tugas kurikulum tahfiz bagi menguruskan gerak kerja dalam pengurusan kurikulum tahfiz. Ini dapat dilihat melalui kenyataan seperti berikut:

“2014 baru laa dilantik secara lantikan dalaman untuk saya mengendalikan apa saja perkara-perkara yang melibatkan pengurusan tahfiz, baik menjadi wakil sekolah ke jabatan ataupun kadang-kadang kita juga menjadi salah seorang daripada wakil lisan jabatan untuk peringkat lain”.

5.1 Organisasi Sekolah

Bagi memastikan pengurusan kurikulum mampu diaplikasikan dengan baik serta berkesan, setiap lapisan dalam organisasi sekolah perlu memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing. Ini dapat dilihat bahawa, keberkesanan dalam sesebuah organisasi atau kecemerlangan tersebut adalah bergantung kepada pengurusan yang cekap dan berkesan. Di MITS AI terdapat beberapa carta organisasi yang kukuh bagi menjadikan pengurusan kurikulum di sekolah berjalan dengan lancar dan sistematik.

Melalui sistem organisasi sekolah, pengetua merupakan tonggak utama yang penting dalam menjadikan sistem pengurusan kurikulum sekolah itu berjalan dengan lancar. Di bawah kelolaan pengetua sekolah terdapat empat orang guru penolong kanan yang membantu tugas dan peranan pengetua. Ini dapat dilihat melalui kenyataan temu bual seperti berikut:

“Dibawah pengetua kita ada empat penolong kanan. jadi penolong kanan pertama adalah penolong kanan kurikulum dan pentadbiran. yang kedua hal ehwal murid, yang ketiga kokurikulum, yang keempat pengurusan kurikulum tahfiz. dari segi kekananya begitu lah”. (UN, 2020)

Di bawah pengurusan kurikulum tahfiz pula, guru penolong kanan (GPK) tahfiz merupakan penggerak utama dalam mengendalik pelbagai perkara yang melibatkan sistem pengurusan tahfiz agar selari dengan visi, misi serta halatuju penubuhan sekolah tersebut. Dalam organisasi pengurusan kurikulum tahfiz, GPK tahfiz dibantu oleh guru kanan bidang mata pelajaran (GKMP) yang merangkap sebagai setiausaha kepada PK Tahfiz. Di bawah carta alir organisasi tersebut mereka dibantu dan disokong oleh beberapa bahagian utama seperti bahagian pengurusan panitia yang diwakili oleh panitia al-Quran, panitia tajwid dan panitia al-Qiraat.

Selain itu, mereka juga turut dibantu oleh jawatankuasa *musaadah* yang ditugaskan bagi membantu dan menolong para pelajar yang lemah dan yang memerlukan bantuan dalam hafalan mereka. Perkara ini dinyatakan oleh UN dalam sesi temu bual seperti berikut:

“Musaadah ni dari segi maksudnya adalah orang yang perlu ditolong. Maknanya bila sebut arahan-arahan pentadbiran daripada jabatan ke sekolah, sekolah ke penolong kanan, penolong kanan ke ketua bidang, ketua bidang ke ketua panitia, mereka ni mestilah membantu segala usaha untuk membawa pencapaian kecemerlangan”.

“kita akui dalam perjalanan Pendidikan itu ada beberapa kumpulan yang perlu perhtaian tambahan, jadi kumpulan inilah yang akan dibantu, check and balance ataupun ditambah baik oleh jawatankuasa musaadah. Jadi mereka ni lah yang akan usaha-usahakan untuk membawa pelajar-pelajar supaya setara semua” (UN, 2020).

Seterusnya, terdapat juga bahagian lain yang turut membantu iaitu bahagian jawatankuasa peperiksaan yang berfungsi bagi menilai atau meneliti keupayaan pelajar. Perkara ini dijelaskan dalam sesi temu bual seperti berikut:

“Jawatankuasa imtihan ni lah meneliti upaya pelajar dan perkara yang akan dinilai”.

“Sebab peperiksaan ini kita ada dalam, kita ada penilaian awam dan kita ada penilaian awam luar dan kita ada penilaian pilihan, macam SPM tu pilihan la tu. jadi jawatankuasa imtihan ni lah yang akan menilai atau meneliti keupayaan pelajar” (UN, 2020).

5.2 Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran dapat menentukan keberhasilan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dilakukan serta dapat mengetahui tahap penguasaan yang dicapai oleh para pelajar. Secara khususnya pihak sekolah mengharapkan pelajar-pelajar tahfiz ini dapat mencapai hasil pembelajaran yang berkesan sebagai penanda aras kepada keluaran MITS AI. Terdapat tiga perkara utama daripada hasil pembelajaran iaitu yang pertama dapat membaca al-Quran 30 juzuk dengan baik mengikut Riwayat hafs, yang kedua dapat menghafaz 30 juzuk al-Quran secara *talaqi mushafahah* serta yang ketiga dapat menulis 30 juzuk al-Quran dengan baik. Ini dapat dilihat oleh kenyataan seperti berikut:

“Yang pertama adalah mereka ni bila keluar daripada sistem pembelajaran di MITS Klang mestilah boleh membaca al-quran 30 juzuk dengan baik ataupun tajwid mengikut Riwayat hafs an’asim dengan toriq as-shatibi”.

“Yang kedua, hasil yang kita harapkan dan kita nak kan pencapaian itu boleh capai adalah melahirkan pelajar yang menghafaz 30 juzuk al-quran bersama guru-guru al-quran secara talaqqi wa musyafahah. Maknanya mereka ni menghafal quran 30 juzuk secara talaqqi berdepan datang jumpa dengan guru dan rapat musyafahah”

“Yang ketiga mereka ini mestilah kita nak lahirkan mereka yang boleh menulis 30 juzuk al-quran. Kalau baca saja betul pun tak cukup. Kalau hafaz saja secara ingatan yang baik pun tak cukup bahkan hari ni kita nak mereka ada kemampuan menulis ayat al-quran dengan menggunakan resam uthmani”. (UN, 2020)



5.3 Pengurusan Pentaksiran

Selain daripada itu, kurikulum Pendidikan tahfiz di MITS AI turut melalui proses pengurusan pentaksiran yang telah dirancang khas bagi kurikulum Pendidikan tahfiz di MITS AI yang ada sedikit perbezaan berbanding dengan institusi tahfiz lain. Rentetan daripada usaha merancang serta merangka kurikulum yang kemas dan tersusun, ia pastinya dinilai oleh badan-badan yang diberi amanah sebagai pemantau segala aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan. Ini secara tidak langsung akan menjadikan MITS Selangor sentiasa bersedia dalam menjalankan tugas dengan penuh integriti dan telus.

Menariknya kurikulum tahfiz di MITS AI, penilaian bukan sahaja akan dijalankan ke atas murid-murid, malah guru-guru tahfiz juga turut diberi penilaian. Penilaian yang dilakukan ke atas murid adalah sebagai kayu ukur dan melihat keberkesanan sepanjang proses pengajaran. Manakala penilaian bagi guru pula adalah sebagai nilai tambah ilmu dan pengetahuan serta kemahiran dalam al-Quran agar ilmu yang disampaikan kepada murid-murid lebih efektif dan berkesan. Disamping itu juga, ia sebagai penilaian prestasi bagi mereka di MITS AI.

5.4 Pemantauan Pengurusan

Berkaitan dengan pemantauan pengurusan kurikulum, ia berfungsi sebagai mengukur, memantau dan menilai segala program yang dijalankan dalam pengurusan Pendidikan tahfiz. Dalam menilai keupayaan bagi setiap program yang dijalankan, secara keseluruhannya di pantau oleh badan luar Bahagian Pendidikan Islam (BPI) atau UPI daerah dan juga terdapat pemantauan secara dalaman oleh pihak pentadbiran MITS. Perkara ini dinyatakan semasa temu bual dijalankan seperti berikut:

“berkaitan dengan proses pemantauan untuk mengukur program yang dijalankan dalam pengurusan Pendidikan tahfiz ini. yang pertama kita memang ada pemantauan bersepadu daripada unit naziran”

“Yang pertama unit naziran Bahagian Pendidikan Islam (BPI), JAIS. Yang kedua ada pemantauan unit Pendidikan Islam dibawah pejabat Pendidikan Islam daerah Klang. Mereka ni akan memantau, dua unit naziran ni akan memantau. Dan yang ketiga pemantauan itu dari segi dalaman” UN, 2020)

Seterusnya, terdapat penambahan data semasa proses triangulasi data dilakukan. Temu bual tambahan ini di buat bersama Guru Penolong Kanan (GPK) Kurikulum dan Pentadbiran iaitu Cikgu Ain (CA) mengenai sistem pemantauan di MITS AI. Perkara ini dinyatakan oleh CA iaitu,

“ISO juga memantau perjalanan macammna kita menguruskan kenderaan jabatan. Jadi mereka pun tak lari daripada naziran dan ISO ni. Mereka terlibat sekali. Sebab naziran dia pantau makmal memang dia akan pantau dengan dokumen-dokumen. Jadi mereka masih terikat dengan pemantauan ISO dan naziran lah”

Selain itu juga, di MITS AI mempunyai pemantauan dalaman sendiri. Mereka turut mempunyai instrumen pemantauan dalaman yang mana pemantauan ini dilaksanakan di peringkat sekolah berdasarkan instrument pemantauan yang diberikan oleh unit naziran JAIS. Jadi sewaktu minggu



pemantauan dalaman ini, guru-guru terbabit akan menggunakan instrumen tersebut bagi mengaudit diri sendiri terlebih dahulu atau melaksanakan seperti garis panduan berdasarkan instrument yang diberikan. CA turut menambah bahawa mereka juga turut di pantau oleh pemantauan unit kualiti JAIS. Ini bertepatan dengan kenyataan beliau iaitu,

“kita ada juga pemantauan kualiti lah. Pemantauan unit kualiti JAIS pun untuk memantau. Jai instrumen-instrumen yang mereka gunakan ini menjadi guardline kepada pihak pengurusan sekolah lah” (CA, 2020).

Selain itu, mereka juga turut mempunyai sistem pemantauan kehadiran terhadap kakitangan sekolah berdasarkan kehadiran seharian mereka yang dipantau oleh pihak atasan organisasi sekolah seperti penyataan berikut:

“pemantauan dari segi bahagian pentadbiran memantau kakitangan berdasarkan kehadiran mereka sebab mereka sikit dan mereka pun dia skop, dia punya kawasan senang nak tengok mereka ni. Jadi sebenarnya mereka ni juga instrument naziran juga menyebabkan mereka punya jawatan” (CA, 2020).

5.5 Penilaian Tahfiz

Terdapat dua penilaian tahfiz yang dilaksanakan di sekolah ini iaitu penilaian terhadap pelajar-pelajar tahfiz dan seterusnya penilaian terhadap tenaga pengajar iaitu guru tahfiz itu sendiri. Bagi meningkatkan kualiti hafazan, setiap pelajar tahfiz ini dinilai prestasi mereka oleh guru Quran masing-masing melalui pelbagai cara bagi membantu dalam melahirkan lebih ramai graduan tahfiz di peringkat sekolah menengah. Apabila terdapat satu kayu pengukur bagi menilai tahap hafazan, setiap pelajar di MITS akan melalui proses akhir yang penting iaitu majlis graduasi Qurra sebagai pencapaian yang paling besar buat mereka. Ini bertepatan dengan kenyataan oleh UN iaitu:

“bila ada satu kayu pengukur, maknanya pelajar itu bila melalui proses pendaftaran tingkatan 1 sehinggalah sebelum mereka ke luar, mereka akan lalui satu majlis yang dipanggil graduasi qurra”.

“Jadi pelajar-pelajar tu sendiri dah memang segala usaha pembelajaran mereka dengan guru-guru semuanya bersiap sedia kearah itu sebab itu dinilai sebagai pencapaian yang paling besar. maknanya bila belajar hafaz al-quran di MITS Klang ni mesti akan melalui proses yang akhir adalah majlis graduasi qurra’. Konvokesyen lah kita katakan ni. Makna kata itu lah jadi kayu pengukur”.

Seterusnya, penilaian terhadap guru tahfiz juga turut menjadi aspek yang penting bagi mengukur keupayaan mereka. Bagi penilaian terhadap guru pula ialah guru-guru yang dilantik untuk berkhidmat dibawah kerajaan Negeri Selangor perlu melalui proses yang disebut sebagai program *liqo’ maqori* dan program isbat yang dilakukan oleh bahagian dakwah. Program ini merupakan satu pendekatan yang dibuat bagi mendengar semula hafazan para guru bagi mengekalkan keupayaan mereka dengan hafazan Quran. Perkara ini turut dinyatakan melalui temu bual seperti berikut:

“Guru-guru mereka yang dilantik untuk berkhidmat di negeri Selangor mesti kena melalui proses dipanggil program liqo’ maqori. Guru-guru mesti memperdengarkan semula hafazan”.

“Kalau di peringkat negeri Selangor ada dua kayu ukur dia. Satu program isbat yang dibuat oleh bahagian dakwah, haa itu pilihan boleh ambil atau boleh tak ambil. Kalau ambil dapat elauan lah”.

“Sebagai tenaga pengajar yang dilantik di Jabatan Agama Islam negeri mestilah melalui proses penilaian guru melalui liqo’ maqori. Maksudnya mereka ini dijadualkan 2 bulan sekali kena tasmik hafazan satu juzuk. Jadi perkara ini sampai ke tahap dah dibentang di peringkat kebangsaan” (Ustaz Nizam, 2020).

Sebagai penjawat awam di Negeri Selangor, penilalaian terhadap kakitangan awam juga turut dinilai daripada laporan nilai prestasi tahunan (LNPT). Penilaian ini dinilai oleh panel penilaian pertama iaitu GPK 1 dan panel penilaian kedua iaitu pengetua sekolah. Jadi laporan-laporan ini dapat membantu mengekalkan prestasi guru supaya dapat berada dalam keadaan yang baik dan konsisten.

6.0 KESIMPULAN

Menelusuri keseluruhan dapatan kajian dari kurikulum Pendidikan tahfiz, pengkaji telah mendapati bahawa ianya berada ditahap yang baik. Kurikulum Tahfiz di bawah JAIS memiliki ciri-ciri seperti set kandungan kurikulum yang lengkap di mana di dalamnya terkandung mata pelajaran bagi sesuatu kursus pengajian. Ini seperti yang dinyatakan oleh Lebar (2006) bahawa kurikulum merupakan satu bentuk kerangka dan set gerak kerja mengenal pasti, menyusun, membangun dan menyiapkan set kandungan kurikulum bagi sesebuah program pengajian untuk mencapai matlamat tertentu. Justeru itu, kurikulum yang berfokus dan dapat diukur merupakan sesuatu perkara yang tepat bagi mencapai sasaran.

Selain itu, pelaksanaan perancangan yang baik dalam melibatkan komitmen dari semua pihak terutamanya guru perlulah seorang yang proaktif dalam menjadikan kurikulum tahfiz itu berjalan dengan lancar agar selari dengan matlamat yang dibentuk. Oleh itu, ciri-ciri tersebut perlulah seiring dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) iaitu melahirkan guru yang mengutamakan daya pengeluaran tinggi dalam profesion, sentiasa mengikuti peredaran masa, memahami perkembangan teknologi, mempunyai sifat berani, mahu mencuba, inovatif, tekun, amanah, berkemahiran dan sedia belajar.

Justeru itu, amat perlu guru-guru tersebut diberi latihan agar kemahiran dan pengetahuan bertambah seiring dengan zaman Pendidikan terkini. Faktor sokongan dan dorongan juga perlu diambil berat dalam kalangan guru seperti yang telah dinyatakan oleh Mahfuz (1983) iaitu menemukan adanya pertalian antara faktor dorongan psikologi dengan tahap kesediaan guru seperti aspek motivasi dan tahap kepuasan kerja. Hal ini perlu dipertimbangkan kerana ia memberi impak yang sangat besar dalam mempengaruhi komitmen guru bagi melaksanakan perubahan.

Kurikulum merupakan salah satu dari enam domain yang memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran (Hayati, 2015). Pembentukan matlamat dan halatuju yang memenuhi aspirasi negara perlulah melalui perancangan yang sistematik dan berpaksikan ketauhidan. Selain itu, kurikulum pendidikan tahfiz perlu merangkumi rancangan pembelajaran yang mengandungi tujuan dan objektif pembelajaran, kemahiran, nilai, kebudayaan serta penilaian melalui pelbagai aktiviti yang dikelolakan



oleh pihak sekolah sama ada di dalam atau di luar bilik darjah yang bermatlamatkan perkembangan potensi murid secara seimbang dan holistik. Ini terbukti MITS Selangor bijak mengimbangi keperluan kurikulum dengan pelaksanaan yang terbaik dan berkesan.

7.0 PENUTUP

Dapatan kajian yang diperolehi boleh dijadikan sebagai asas bagi menentukan institusi yang terbaik untuk memenuhi permintaan masyarakat serta dapat meneliti tentang kekuatan dan kelemahan yang dihadapi oleh pihak pengurusan pendidikan tahfiz di MITS Selangor. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memenuhi keperluan daripada pelbagai pihak yang memerlukan seperti ibubapa, pelajar, pengurusan pentadbiran dan semua yang terlibat. Seterusnya membantu pihak pengurusan melakukan tindakan penambahbaikan sistem pentadbiran sedia ada agar keberkesanan matlamat, visi dan misi sekolah akan tercapai mengikut sistem pendidikan arus perdana.

8.0 Penghargaan

Sekalung penghargaan buat Kolej Univesiti Islam Selangor (KUIS) yang telah membiaya kertas kerja ini yang merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Siswazah, KUIS.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan. Malaysia: Mc. Graw Hill Sdn Bhd.*
- Coleman, M. G.-J., & Middlewood, D. (2003). *Managing The curriculum in South Africans Schools.* London: Commonwealth Secretariat.
- Creswell , J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions.* California CA: SAGE Publication Inc.
- Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2003). *Educational research: An introduction (7th ed.).* Boston: Allyn & Bacon.
- Hashim, A. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri.* (Published Doctoral thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hayati, N. N. (2015, August). Faktor keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir aras tinggi abad ke 21 bagi pelajar sains. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia 2015.* 14-15 September 2015. Universiti tun Hussein Onn Malaysia.
- Ismail, S. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. *Simposium Antarabangsa Tahfiz. Institut Latihan Islam (ILIM) Bangi.* 23-24 Noverber 2016.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21).*
- Lebar, O., (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahfuz, N., (1985). The key teacher strategy of implementating a curriculum in Malaysian school. *Jurnal Pendidikan,* 8, 3-15.
- Md Nawi. N. H., Yusuff. N. A., Che Yaacob M. B. & Salleh. N. H., (2014) *Matlamat dan halatuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan : satu pengamatan awal.* In: 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education (ICIEd 2014) , 31 May - 2nd June 2014, Perdana Hotel, Kota Bharu, Kelantan.
- Morphet, E., Johns, R., & Reller, T. (1982). *Educational Organizational and Adminstration: Concepts, Practices and Issues, Prentice-Hall. Englewood Cliff: New Jersey.*



- Patton, M. Q., (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Edisi ke-2. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Wan Ezielia, W. (2014). *Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Kluster Daerah Johor Bahru* (Unpublished master's thesis). Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, M., Rasheed, Z. Z., Selamat A. F., (2018). Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis Kelebihan Menghafaz al-Quran. *e-Proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan PASAK3 2018*. 141-148.
- Yahaya, M., 2017. Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (Unpublished master's thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yin, R. K., (1994). *Case Study Research Design and Methods: Applied Social Research and Methods Series*. 2nd edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc